



KATA-KATA ALUAN DEKAN *UTMSPACE*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, warga kerja *UTMSPACE* memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, cakera padat Panduan Pelaksanaan Program Separuh Masa bagi semester 2011/2012 dapat diterbitkan.

Panduan yang diterbitkan ini berperanan membantu semua pihak, para pelajar *UTMSPACE* khususnya dan staf amnya supaya sentiasa menggunakan kemudahan sistem teknologi maklumat yang disediakan bagi melicinkan lagi proses pembelajaran. Semua maklumat seperti jadual urusan akademik, maklumat pensyarah, pendaftaran kursus dan pengumuman penting lagi terkini, boleh dicapai oleh para pelajar di laman web kami www.utmspace.utm.my.

Sebagai pelajar separuh masa yang bekerjaya, komitmen pelajar menamatkan pengajian dengan cemerlang adalah keutamaan kami. Oleh itu, diharapkan pelajar dapat menggunakan web dengan optimum agar maklumat yang disalurkan terus dengan cepat dan berkesan.

Akhir kata, ingin saya mengucapkan selamat kembali ke dunia pelajar. Kami amat berbesar hati di atas keyakinan saudara memilih untuk menyambung pengajian bersama *UTMSPACE*.

Sekian Terima Kasih dan Selamat Maju Jaya.

PROFESOR MADYA DR. KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH

Dekan

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (*UTMSPACE*)

Universiti Teknologi Malaysia

(*UTMSPACE*)